

**Indikasi keperluan penambahbaikan rekabentuk senibina bangunan keselamatan di Malaysia:
kajian kes ke atas balai-balai polis di negeri Johor, Selangor, dan Pulau Pinang**

Zahardi Zaharin, Jestin Nordin, and Ku Azhar Ku Hassan

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan, dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden,
Pulau Pinang, Malaysia

Email of corresponding author: jestin.nordin@usm.my

Abstrak

Kehadiran sesebuah bangunan keselamatan di sesuatu kawasan sebenarnya boleh menghadirkan perasaan selamat, dan juga terlindungi kepada seseorang. Secara tidak langsung, bangunan keselamatan juga dikira sebagai mampu menggambarkan tahap kepedulian dan kepekaan pihak berkuasa untuk memastikan keselamatan individu, komuniti, dan juga negara.

Kertas kajian ini membincangkan secara umum isu-isu berkaitan tahap keselamatan semasa dalam Malaysia, untuk dijadikan sandaran dan rujukan silang bagi membantu penilaian terhadap kemampuan sesebuah bangunan keselamatan di Malaysia melaksanakan prosedur standard operasi harian (SOP) sebagai sebuah bangunan keselamatan mengikut pandangan kesenibinaan. Walau bagaimanapun, skop kajian ini hanyalah bertumpu kepada bangunan-bangunan balai polis di dalam negeri Johor, Selangor, dan Pulau Pinang.

Objektif kajian yang dijalankan ini juga adalah bertujuan untuk memastikan bahawa bangunan-bangunan balai polis sedia ada mampu menangani pelbagai jenis permasalahan serta kes-kes jenayah yang berlaku. Justeru, kajian akan memberikan perhatian kepada tiga kategori balai polis yang telah dikenalpasti iaitu balai polis (i) dalam bandar, (ii) sub-bandar, dan (iii) luar bandar.

Kaedah kajian yang akan dilaksanakan adalah menggunakan kaedah kajian kes; yang melaksanakan pemerhatian secara langsung, dan menemubual responden-responden yang terdiri daripada anggota-anggota keselamatan yang bertugas di bangunan balai-balai polis terpilih.

Melalui pemerhatian dan penilaian literatur awalan kajian, dapatlah dibuat kesimpulan awal bahawa memang wujud lompang keperluan untuk menambahbaik bangunan-bangunan balai polis sediaada. Penambahbaikan ini adalah bagi membolehkan ia berfungsi mengikut SOP yang telah digariskan oleh pihak Polis Di Raja Malaysia, dan Kementerian Dalam Negeri. Rekabentuk bangunan yang senantiasa ditambah baik mengikut keperluan operasi juga adalah perlu bukan sahaja demi keselamatan pihak awam, malah perlu memastikan keselamatan anggota pasukan itu sendiri.

Katakunci: *Rekabentuk bangunan keselamatan; isu-isu keselamatan di Malaysia; balai polis*

1. Pengenalan

Saban tahun, pihak Kerajaan Malaysia telah mengadakan peruntukan secara purata berjumlah sekitar Ringgit Malaysia 300 ke 400 juta setahun bagi pembinaan balai-balai polis bertujuan memberikan perkhidmatan jaminan keselamatan berkesan kepada masyarakat setempat demi memelihara keamanan dan ketenteraman awam dari semasa ke semasa. Melihat keadaan semasa balai polis sediaada yang telah dibina sebelum merdeka sehinggalah sekarang, penulis berpendapat suatu kajian bertujuan

mengenalpasti kewujudan lompong ilmu (*knowledge gap*) dari segi rekabentuk sesebuah balai polis bagi menentukan samada ia masih relevan atau tidak berdasarkan keperluan dan kehendak semasa Polis Di Raja Malaysia (PDRM) perlu dilaksanakan. Justeru penulis ingin meneruskan kajian tersebut berdasarkan petikan (BERNAMA, 2014).

Di antara usaha yang dilakukan pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) bagi 'menghilangkan keuzuran' bangunan balai-balai polis terlibat adalah dengan mengecat dinding-dinding bangunan balai-balai terlibat agar kelihatan cantik dan baharu. Persoalannya, walaupun kelihatan baharu, fungsi bangunan balai polis itu masih lagi terhad kepada sirkulasi dan susunatur ruang dalaman yang asal. Faktor ketidaksesuaian rekabentuk bangunan balai polis sediaada dari segi keperluan fungsi-fungsi ruang dan sirkulasi semasa dilihat berpotensi menyumbang kepada penurunan kadar keefisyenan pengoperasian sesebuah balai polis. Pengarah Pengurusan Bukit Aman, Dato' Sri Zulkifli Abdullah, telah mencadangkan agar 22 buah balai polis di sekitar Kuala Lumpur dinaiktaraf menjadi balai polis moden dalam usaha menjadikan PDRM organisasi pasukan keselamatan bertaraf dunia (BERNAMA, 2017).

Program Bandar Selamat yang diketengahkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) menggariskan 15 langkah untuk mewujudkan bandar-bandar selamat (JPBDM, 2014). Salah satu daripada 15 elemen tersebut adalah pembentukan kewujudan balai polis sebagai penyumbang keselamatan fizikal sesebuah bandar, maka diwujudkan *Community Policing* (PDRM et al., 2016). Justeru, kajian ini difikirkan sesuai dilaksanakan pada masa ini setelah merujuk kepada kepentingan balai polis sebagai memelihara sebuah bangunan keselamatan.

Oleh yang demikian, satu kajian perlu dijalankan untuk memastikan semua balai polis di Malaysia ini terus kekal relevan kepada masyarakat amnya dan juga kepada anggota dan kakitangan PDRM khususnya dalam melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) di setiap balai polis supaya dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

2. Keperluan Penambahbaikan Bangunan Balai Polis di Malaysia

Di dalam bahagian ini, kami akan membincangkan tentang keperluan-keperluan kepada penambahbaikan bangunan balai-balai polis di Malaysia berdasarkan isu-isu yang diperbincangkan berkaitan keperluan keselamatan, dan pentadbiran keselamatan negara. Turut diperbincangkan adalah isu-isu semasa yang menyumbang kepada perlunya perhatian yang serius diberikan kepada menangani perkara ini.

Definisi 'keselamatan'

Perkataan 'keselamatan' wujud bagi perihal selamat, sejahtera atau keamanan (Pustaka, 2017). Daripada perkataan keselamatan juga akan wujud syarat, kriteria serta garis panduan yang perlu dipatuhi sebelum takrifan perkataan keselamatan ini boleh digunakan.

Keselamatan juga bermaksud "keadaan terlindungi daripada masalah fizikal, sosial, kewangan, politik, perasaan, pekerjaan, psikologi, pekerjaan dan perkara lain yang melibatkan kerosakan atau kejadian yang tidak diingini. Ini juga termasuk dalam konteks terlindung daripada sesuatu malapetaka atau kejadian yang berkaitan dengan kesihatan dan ekonomi" (wikipedia.org.com, 2017).

Konsep keselamatan sinonim disatukan dalam 'prosedur operasi standard '(SOP) kerja sebagai contoh kepada penjagaan dan pemantauan kanak-kanak pra sekolah dimana langkah-langkah keselamatan

atau *'precaution plan'* perlu dilaksanakan untuk mengelakkan kemudaratan seperti kemalangan, kematian atau kecederaan (Daud, 2012).

Bagi menentukan kewujudan keadaan 'terlindungi' kepada aktiviti-aktiviti dalam sesebuah balai polis, terdapat beberapa elemen yang perlu diambil berat seperti di dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Elemen keperluan keselamatan dan 'terlindungi'

Bil.	Elemen keperluan 'terlindungi'	...merujuk kepada
1.	Pengguna bangunan	keselamatan anggota dan kakitangan PDRM, yang termasuk hak-hak mereka sebagai pengguna akhir bangunan keselamatan
2.	Dokumentasi dan data maklumat	keselamatan tahap berperingkat dokumentasi dan data maklumat berkenaan dari tatapan umum sehingga ke peringkat sulit yang melibatkan hak cipta intelektual dan tahap keperluan mengetahui isi kandungan dokumen
3.	Tempat tinggal	keselamatan penghuni kuarters anggota dan kakitangan PDRM, terhadap keadaan persekitaran kuarters yang akan menentukan tahap penerimaan tempat tinggal berkenaan untuk didiami
4.	Bangunan dan pejabat	keselamatan menerusi peringkat lapisan ruang kerja dalam sesebuah bangunan dan pejabat bangunan keselamatan mengikut prosedur dan garis panduan pengoperasian yang telah ditetapkan bagi kakitangan bertugas
5.	Organisasi dan masyarakat setempat	keselamatan sesuatu organisasi dan masyarakat setempat yang harus dijamin demi kebaikan bersama dalam sesebuah komuniti
6.	Pekerjaan	keselamatan para anggota yang bertugas di dalam premis bangunan keselamatan (kecuali tentera dan pelaut) dari sebarang penyakit pekerjaan atau kemalangan pekerjaan
7.	Negara	keselamatan Negara yang harus dilindungi melalui kerjasama serantau atau melalui pertahanan sendiri untuk memastikan tidak dimonopoli oleh kuasa-kuasa luar dari segi ekonomi, budaya dan politik

Dalam konteks keselamatan turut wujud maksud lain terhasil contohnya memberi atau mendapatkan perlindungan (*protection*), kepastian (*certainty*) dan jaminan (*guarantee*) yang menggambarkan maksud dan keperluan di setiap peringkat lapisan yang berbeza dalam menggunakan takrifan keselamatan.

Pentadbir 'keselamatan'

Bagi memastikan keselamatan dapat diterjemahkan secara berkesan, terdapat entiti atau kumpulan pelaksana yang diberikan amanah serta tanggungjawab menjalankan auditan serta penguatkuasaan bagi memastikan keperluan elemen keselamatan ini iaitu penguatkuasa. Badan penguatkuasa akan memainkan peranan yang penting dalam menguatkuasakan pelaksanaan keperluan undang-undang dan SOP kerja berkaitan bagi tujuan keperluan keselamatan dipatuhi.

Melalui Parlimen Malaysia suatu akta telah digubal dinamakan Akta 776 (Akta Majlis Keselamatan Negara) yang berkuatkuasa pada tahun 2016. Di dalam Bahagian III, Akta 776 ini memperuntukkan delegasi penurunan kuasa sebagai pentadbir dan penguatkuasa hal ehwal keselamatan dalam negara khususnya, kepada pihak penguatkuasa bagi pihak Kerajaan Malaysia untuk mempertimbangkan perkara berkaitan dengan Keselamatan Negara (Malaysia, 2016).

Melalui Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan (GTP), di dalam Bab 6, pihak Kerajaan Malaysia telah berusaha untuk mencari penyelesaian bagi mengurangkan kadar jenayah di Malaysia demi kepentingan rakyat (PEMANDU, 2010). Perkara Bab 6 ini memberikan indikasi bahawa pihak Kerajaan Malaysia menitikberatkan isu-isu semasa berkaitan keselamatan dimana pihak pelaksana dan penguatkuasa undang-undang seharusnya bekerjasama memikirkan tahap keselamatan yang perlu demi ketenteraman dan kesejahteraan rakyat.

Memandangkan keadaan jenayah dan kepentingan untuk mengurangkan jenayah buat rakyat, kerajaan telah memilih ini sebagai salah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Aspirasi NKRA Mengurangkan Jenayah adalah untuk mempertingkatkan Keselamatan awam di seluruh Malaysia dalam masa dua hingga tiga tahun yang akan datang, dengan hasil nyata tercapai dalam masa 6 hingga 12 bulan pertama pelaksanaan GTP (PEMANDU, 2010).

Bangunan keselamatan

Ciri-ciri keselamatan amat diperlukan kepada sesebuah bangunan keselamatan dimana menyediakan suatu ruang kerja yang melaksanakan elemen serta aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dan pencegahan jenayah mengikut prosedur dan garis panduan pengoperasian yang telah ditetapkan bagi kakitangan bertugas. Takrifan sebagai sesebuah bangunan keselamatan ini dipecahkan kepada 3 fungsi komponen/zon iaitu:

- i. Zon pentadbiran;
- ii. Zon sokongan, pengoperasian, penstoran; dan
- iii. Zon kemudahan fasiliti lain-lain (padang kawad, lapang sasaran, kuarters transit dan pagar keselamatan, dan lain-lain yang berkaitan)

Bagi zon pentadbiran, sesebuah bangunan keselamatan menyediakan ruang bekerja sepertimana ruang pejabat bangunan am lain, manakala fungsi sokongan, pengoperasian dan penstoran juga memerlukan SOP yang tertentu yang telah ditetapkan oleh jabatan masing-masing bagi setiap unit-unit pasukan PDRM.

Mengikut Garis Panduan & Peraturan Bagi Perancangan Bangunan 2015 yang dirangka oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) Malaysia, mengatakan bahawa pembangunan sesebuah bangunan keselamatan ini adalah dalam bentuk formasi kompleks; dimana terdapat bangunan berasingan atau penggabungan beberapa buah bangunan yang berlainan fungsi dan menjalankan SOP kerja masing-masing yang merupakan elemen sokongan kepada pembentukan sesebuah bangunan keselamatan (EPU, 2015). Walau bagaimanapun sesuatu kompleks bangunan keselamatan itu akan berbeza dari segi saiz kemudahan fasiliti yang disediakan yang mana bergantung kepada jenis projek, keperluan dan lokasi pembangunan.

Isu-Isu Keselamatan di Malaysia

Berikut adalah disenaraikan beberapa isu-isu berkaitan keselamatan yang menjadi justifikasi kepada keperluan dipertingkatkan keefisyenan sesebuah bangunan balai PDRM:

i. Serangan ke atas balai polis

Bermula dengan sejarah tragis serangan pengganas komunis ke atas bangunan dan anggota polis di Balai Polis Bukit Kepong pada 23 Februari 1950, yang mengorbankan hampir kesemua anggota dan pegawai polis pada masa itu (Digest, 2015). Setahun sebelum itu, pada tahun 1948, dan 1949,

Balai Polis Kuala Krau di Kelantan juga mengalami nasib yang sama, Cuma jumlah korbannya lebih sedikit. Setelah kejadian Bukit Kepong di Muar, Johor terdapat beberapa lagi kejadian serangan ke atas beberapa balai polis di sekitar Malaysia dilaporkan seperti di Guar Chempedak, Kedah pada tahun 2001 (Utusan, 2001), Balai Polis Kubang Semang (2004), IPD Kuala Muda (2017), dan terbaru di Balai Polis Pingiran Subang (2017) di mana seorang anggota PDRM ditikam mati di dalam perkarangan balai polis. Rekod serangan ini mungkin boleh ditafsirkan sebagai terpencil, namun ia boleh menggambarkan kehilangan penghormatan awam terhadap undang-undang negara.

ii. Tragedi Lahad Datu, dan pembentukan ESSCOM

Peristiwa Lahad Datu, Sabah yang tercetis pada 9 Febuari 2013, adalah ancaman Keselamatan yang dihadapi berpunca dari gerakan bersenjata rakyat asing yang menuntut hak kedaulatan yang disifatkan mereka sebagai hak wilayah Kesultanan Sulu. Namun, Kesultanan Sulu wilayah di Sabah adalah kesultanan yang tidak diiktiraf oleh kerajaan Filipina. Justeru, ancaman ini adalah ancaman keselamatan dari 'aktor bukan negara' (Othman et al., 2016).

Dalam konteks keselamatan, ancaman ini boleh disamakan seperti jenayah yang dilakukan oleh lanun dan perompak laut. Walau apapun, peristiwa Lahad Datu telah membuka pelbagai ruang perbincangan untuk meninjau semula beberapa perkara utama yang membabitkan isu yang belum diselesaikan, diantaranya adalah dengan melihat semula lakaran sejarah yang telah terbentuk antara Malaysia dan Filipina – khususnya terhadap dokumen penting pindah milik wilayah serta tafsirannya, dan juga isu-isu kontemporari yang wujud antara kedua-dua belah negara – isu MNLF, MILF tuntutan Filipina ke atas Sabah, tuntutan bertindih wilayah dan pergolakan politik di Selatan Filipina, juga isu-isu domestik dan keselamatan sempadan terutamanya di kawasan Sabah yang berlakunya kebanjiran pendatang asing dari Filipina, pemberian hak atau taraf warganegara dalam "Projek IC", masalah keselamatan di kawasan setempat (Othman et al., 2016).

iii. Tekanan di tempat kerja anggota PDRM

Tekanan kerja dikalangan anggota PDRM berlaku diakibatkan oleh beberapa faktor yang melibatkan persekitaran dan tempat kerja, ciri-ciri kerja, agihan bebanan kerja, dan juga suasana di rumah masing-masing (Ahmad, 2000). Kajian semula ke atas syor pembaikan dan penambahbaikan kemudahan-kemudahan logistik PDRM adalah sangat diperlukan, disamping pengkajian semula deskriptif kerja dan syor pemberian elaun tertentu bertujuan membantu mengurangkan masalah tekanan di tempat juga adalah diperlukan.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah bercampur (*mixed-methodology*) (Groat and Wang, 2002, Library, 2017), yang melibatkan proses pemerhatian langsung (*direct observation*), kajian kes, borang soal selidik, dan temubual separa-struktur.

Responden-responden yang telah dikenalpasti adalah dianggap sebagai pengguna akhir balai polis, dan mereka terdiri daripada anggota-anggota unit-unit yang beroperasi di setiap balai-balai polis terlibat, dan juga dari kalangan orang awam yang datang berurusan dengan balai polis tersebut. Metodologi bercampur dipilih bertujuan untuk mendapatkan respon dan gambaran sebenar tentang kadar keefisyenan rekabentuk balai-balai polis tersebut semasa ia beroperasi yang memberi kesan kepada kedua-dua pihak – anggota polis dan juga orang awam sebagai pelanggan perkhidmatan keselamatan ditawarkan pihak PDRM.

Kadar keefisyenan yang diambilkira adalah (i) keperluan keselamatan fizikal, (ii) keperluan balai, (iii) pematuhan rekabentuk, (iv) kriteria rekabentuk, (v) pemakaian garis panduan rekabentuk, (vi) faktor penarikan dan penolakan rekabentuk, dan juga (vii) komen dan cadangan pengguna akhir bangunan balai-balai tersebut.

Skop kajian ini memberikan tumpuan kepada pengkajian fungsi rekabentuk balai polis PDRM yang sedia ada berdasarkan keperluan-keperluan pengguna akhir dan orang awam. Untuk membolehkan dapatan kaedah terbaik penambahbaikan rekabentuk bangunan balai polis supaya 'SOP' optimum PDRM diperolehi, maka tiga (3) siri tinjauan kajian kes dilaksanakan yang melibatkan pemilihan beberapa balai-balai polis di:

- i. Daerah Sepang, Selangor;
- ii. Daerah Johor Bahru (Utara), Johor; dan
- iii. Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

Justifikasi kepada pemilihan lokasi-lokasi kajian kes adalah berdasarkan kepada Syarat kepada keperluan sesebuah balai polis yang seterusnya berdasarkan kepada:

- iv. Perjawatan dalam PDRM;
- v. Populasi masyarakat setempat;
- vi. Indeks kadar jenayah; dan
- vii. Lokasi berisiko tinggi berlaku jenayah

Permasalahan Kajian

Terdapat beberapa permasalahan semasa menjalankan kajian, dan di antaranya adalah (i) sumber rujukan yang terhad, dan (ii) kebenaran melaksanakan kajian diperlukan dari pihak atasan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972.

Walaupun sumber-sumber rujukan adalah agak terhad apabila perbincangan berkenaan bangunan keselamatan di Malaysia diketengahkan, namun penulis berhasil mendapatkan beberapa data penting melalui laman-laman sesawang Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan beberapa lagi laman sesawang yang berkaitan dengan rekabentuk bangunan keselamatan.

4. Dapatan Awalan Kajian

Dapatan awalan kajian ini yang diperolehi melalui pemerhatian langsung (lawatan ke premis bangunan kajian kes di Johor, Selangor, dan Pulau Pinang) mendapati bahawa rekabentuk semasa balai-balai polis itu memerlukan pengubahsuaian (samaada kecil, atau besar) untuk membolehkannya berfungsi dengan lebih efisien berdasarkan keperluan dan cabaran keselamatan semasa.

Justeru, rekabentuk sesebuah balai polis perlulah cenderung lebih sensitif terhadap sebarang keperluan dan fungsi ruang dalaman dan luarannya. Ini bertujuan supaya balai polis dapat berfungsi sepenuhnya dan efisien mengikut prosedur operasi standard yang telah digariskan pihak PDRM.

Di samping penelitian dan perhatian terhadap elemen-elemen rekabentuk senibinaan balai polis itu sendiri, keperluan jaminan keselamatan anggota dan kakitangan PDRM yang bertugas juga perlu diambil peduli. Seseorang perekabentuk itu perlu peka terhadap perkembangan isu-isu semasa seperti ancaman balas jenayah lokal (contohnya serangan ke atas balai-balai polis) terhadap pasukan PDRM, serangan

jenayah antarabangsa (tragedi Lahad Datu), dan tekanan di tempat kerja juga harus dipandang serius tanpa kompromi memandangkan masyarakat memang bergantung kepada pasukan PDRM di dalam menjaga keamanan dan ketenteraman negara.

Justeru, diharapkan dapatan susulan kajian ini nanti akan dapat membantu menyumbang idea bagi penambahbaikan kepada balai-balai polis di Malaysia seperti berikut:

- i. membantu penyediaan cetak biru (*blueprint*) rekabentuk balai polis yang lebih baik, dan mampan yang mematuhi keperluan prosedur operasi standard pihak PDRM dari semasa ke semasa;
- ii. memantapkan pembinaan konsep Balai Polis Mesra Rakyat (*Community Policing*);
- iii. meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap pasukan PDRM, dan
- iv. menyediakan Balai Polis sebagai pusat informasi serta medium maklumat tentang jenayah.

5. Rumusan

Bagi memastikan keefisienan rekabentuk bangunan balai polis terus kekal relevan dalam pengoperasian seharian dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman awam, suatu indikasi keperluan kepada penambahbaikan rekabentuk senibina bangunan keselamatan di Malaysia perlu ada dengan melalui respon, dan maklum balas pihak pengguna akhir dan pelawat yang berurusan. Ia sedikit sebanyak membantu mengenengahkan isu dan permasalahan pengguna akhir dalam melaksanakan rutin seharian di dalam bangunan balai polis. Malahan pengguna awam dapat mengutarakan kehendak dan jangkaan mereka semasa berurusan dalam bangunan keselamatan.

Justeru, diharap dapatan daripada kajian ini akan dapat dijadikan panduan kepada perekabentuk (iaitu pihak arkitek) untuk menghasilkan rekabentuk bangunan keselamatan yang mematuhi prosedur operasi standard PDRM dan garis panduan bangunan keselamatan yang telah diwartakan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri.

6. Penghargaan

Terima kasih diucapkan kepada Ketua Setiusaha Kemeterian Dalam Negeri, Ketua Pengarah Kerja Raya, Bahagian Pembangunan Kementerian Dalam Negeri, Pengarah Cawangan Kerja Keselamatan Jabatan Kerja Raya, dan Jabatan Perkhidmatan Awam di atas biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan 2017. Terima kasih juga diucapkan kepada Geran Jangka Pendek USM yang membolehkan kami membentangkan projek kajian awalan ini di seminar SSPIS2017 ini.

Rujukan

- BERNAMA. 2014. KDN Kaji Naik Taraf Perjawatan Di Balai Polis Seluruh Negara. *Berita Harian*, 10 November 2014.
- BERNAMA. 2017. PDRM Naik Taraf 22 Balai Polis di KL. *Utusan Malaysia*, 24 Julai 2017.
- DAUD, S. S. 13 March 2012 2012. Definisi Keselamatan. *sitisabihadaud.blogspot.com* [Online]. Available from: <http://sitisabihadaud.blogspot.my/2012/03/definisi-keselamatan.html> [Accessed 25 September 2012 2017].
- DIGEST, M. 2015. *Perancangan Asal Mat Indera & PKM Menyerang Bukit Kepong* [Online]. Kuala Lumpur: Malaysian Digest. Available: <http://www.malaysiandigest.com/bahasa-malaysia/543933-perancangan-asal-mat-endera-pkm-meny Serang-bukit-kepong.html> [Accessed 23 November 2017 2017].
- EPU, U. P. E.-. 2015. Buku Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Oleh Jawatankuasa Standard Dan Kos Tahun 2015. *Jawatankuasa Standard dan Kos*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- GROAT, L. & WANG, D. 2002. *Architectural Research Methods*, New York, John Wiley & Sons.
- JPBDM, J. P. B. D. D. M. 2014. *Portal Rasmi PLANMalaysia* [Online]. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Malaysia. Available: <http://www.townplan.gov.my/content.php?ID=82> [Accessed 27 November 2017 2017].
- LIBRARY, R. G. T. 2017. *Mixed Methods Research*. 20 November 2017 ed. U.S.: American Public University System.
- MALAYSIA, K. 2016. Akta 776 - Akta Majlis Keselamatan Negara. Malaysia.
- OTHMAN, Z., OMAR, M. K., JABAR, F. A. & IDRIS, N. A. 2016. Memelihara keselamatan Negara Malaysia: Peristiwa Lahad Datu, Sabah. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12, 147-159.
- PDRM, LAGENZ & ACADEMY, O. 2016. *Program KePOLISan Komuniti Malaysia*. 2016 ed. Kuala Lumpur.
- PEMANDU, U. P. P. D. P.-. 2010. *Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- PUSTAKA, D. B. D. 2017. *Keselamatan*. *Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- UTUSAN. 2001. Balai polis diserang -- Empat lelaki bersenjata cederakan dua lans koperal di Guar Chempedak. *Utusan Online*, 5 February 2001.
- WIKIPEDIA.ORG.COM 2017. Security. In: WIKIPEDIA.ORG.COM (ed.) *Wikipedia the Wikimedia*.